

# **MENYAHUT PANGGILAN KAABAH: SEJARAH PEMERGIAN ORANG MELAYU KE TANAH SUCI DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ORANG MELAYU SEBELUM PERANG DUNIA KE-II**

Oleh:

Mohammad Redzuan Othman \*

## **Abstract**

*The conduct of the Hajj has ever since attracted many Western scholars and spies alike, the most referred-to accounts being the writing of Christian Snouck Hurgronje. Notwithstanding his careful and scholarly preparations, it must be said that his narratives is intermingled with prejudices and cannot be taken purely as a comprehensive academic work. As for the Malays, even though it is difficult to ascertain when the conduct of the Hajj was first performed, it is thought to be as early as the introduction of Islam to the region. Historically the Malay journey to Hijaz to perform the religious duty was not an easy one. Apart from the cost incurred, the journey was hazardous and they were also exposed to various forms of exploitation. The difficulties faced by the Malay conduct of the Hajj which had been attended with difficulties began to receive the attention of the British colonial administration from the early 1920s. Despite the difficulties and hazards faced in the pursuit of performing the religious duty, the Malays showed no hesitation in making a sacred journey to perform the Hajj.*

## **PENGENALAN**

Bagi orang Melayu, Hijaz (Makkah dan Madinah) amat erat kaitannya dengan agama Islam yang mereka anuti. Rukun Islam yang kedua, mewajibkan umat Islam solat lima kali dalam sehari semalam dengan menghadapkan dada ke Kaabah dan pada waktu yang sama, mereka menyedari hakikat bahawa rasul yang mereka kasih, Nabi Muhammad s.'a.w. dimakamkan di Madinah. Hijaz juga mempunyai ertian yang besar kepada penganut agama Islam kerana di sini jugalah terletaknya masjid yang dianggap suci oleh umat Islam, iaitu Masjid al-Haram di Makkah dan Masjid Nabawi

---

\* Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan Timbalan Dekan, Bahagian Ijazah Tinggi di Fakulti tersebut.

di Madinah. Bagi yang berkemampuan, mereka diwajibkan pergi ke Hijaz untuk menunaikan fardu haji ke Makkah yang juga merupakan rukun Islam yang kelima dan yang terakhir.

Tanggungjawab keagamaan yang mempunyai hubungan dengan kedua-dua kota suci ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat Melayu dan merupakan faktor yang menjalin hubungan erat di antara Alam Melayu dengan Tanah Suci. Wujudnya pertalian yang erat antara orang Melayu dengan Hijaz secara paling bermakna dimanifestasikan melalui kesungguhan mereka menunaikan ibadah haji. Penurunan ibadat ini dari segi sejarahnya, dilakukan dengan pelbagai kepentingan dan dengan menggunakan perbelanjaan yang besar. Bagi orang Melayu, mereka meyakini bahawa taraf keimanan mereka akan sampai ke kemuncaknya apabila berjaya menunaikan kesemua rukun Islam sebagaimana yang telah difardukan bagi membolehkan mereka menjadi umat Islam yang sempurna. Lantaran itu, walaupun dari segi hukumnya umat Islam cuma diwajibkan menunaikan ibadah haji sekali di sepanjang hayatnya, namun kerana keyakinan kepada keberkatannya menyebabkan terdapat di kalangan umat Islam yang berkemampuan melakukannya berulang kali.<sup>1</sup>

## ORIENTALIS BARAT, MAKKAH DAN IBADAH HAJI

Bagi orang Kristian Barat, ibadah haji merupakan suatu amalan keagamaan yang dianggap penuh dengan misteri, dan hal ini menarik perhatian para sarjana dan pengembara mereka.<sup>2</sup> Dalam catatan para orientalis dan pengembara Eropah yang awal, pengalaman pergi ke Tanah Suci dilaporkan dengan terperinci yang memaparkan cerita yang mereka anggap sebagai membongkar misteri kota suci Makkah.<sup>3</sup> Orang Eropah yang dianggap sebagai orang pertama melawat Hijaz dan

<sup>1</sup> Walaupun umat Islam cuma diwajibkan menunaikan ibadah haji sekali di sepanjang hayatnya, namun bukan suatu yang asing bagi umat Islam menunaikan ibadah ini lebih daripada sekali. Sebagai contoh, pada tahun 1936 Sayyid Ibrahim Omar al-Sagoff, iaitu seorang pemimpin masyarakat Islam di Singapura yang juga merupakan seorang broker haji telah menunaikan ibadah haji lebih tujuh belas kali. Lihat *Genuine Islam*, Vol. 1, Nos. 6 & 7, June/July 1936; Isabella L. Bird (1967), *The Golden Chersonese and the Way Thither*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, (First Published London: John Murray, Albemarle Street, 1883), h. 361.

<sup>2</sup> Antara misteri yang dikaitkan dengan Makkah ialah maklumat yang tersebar luas di Rom yang mempercayai bahawa jenazah Nabi Muhammad s.'a.w berada dalam keadaan terawang-awang di kota suci tersebut. Lihat John Winter Jones (1993), "The Itinerary of Ludovico di Verethema of Bologna" dlm. *Records of the Hajj: A Documentary History of the Pilgrimage to Mecca*, London: Archive Edition, h. 453.

<sup>3</sup> Abdul Kadir Haji Din, "Economic Implication of Moslem Pilgrimage From Malaysia", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No. 1, June 1982, h. 58.

### Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

memberikan gambarannya tentang Makkah ialah Ludovico Bertema dari Rome yang melawat kota suci tersebut pada tahun 1503.<sup>4</sup> Beliau memulakan perjalanananya untuk pergi ke Makkah pada 8 April 1503 dengan menyamar sebagai seorang Mamluk.<sup>5</sup> Sepanjang abad yang ke-19, lebih ramai orang Eropah melawat Hijaz secara rahsia dan mereka termasuklah Badia Leblich yang melawat kota suci Makkah pada tahun 1807 dengan menggunakan nama Ali Bey.<sup>6</sup>

Bagi pengkaji sejarah Islam di Alam Melayu, khususnya yang berkaitan hubungan dengan Tanah Suci Makkah, nama Christian Snouck Hurgronje adalah satu nama yang tidak asing lagi. Beliau adalah seorang Belanda yang pakar dalam bahasa Arab dan agama Islam serta berkhidmat sebagai Penasihat Hal Ehwal Arab dan Peribumi Hindia Timur Belanda. Sebagai seorang sarjana yang mahir, nasihatnya dijadikan asas kepada dasar Belanda terhadap umat Islam Indonesia, termasuklah yang berkaitan dengan pemergian umat Islam ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji dan dasar Belanda ketika berlakunya Perang Aceh.<sup>7</sup> Disebabkan keinginannya untuk mengetahui tentang amalan ibadah haji dan kota Makkah yang dianggap misteri serta bagi memperolehi maklumat terperinci mengenai pemergian orang Melayu ke Kota Suci bagi menunaikan ibadah tersebut, Hurgronje telah menyamar sebagai seorang Islam dan tinggal selama enam bulan di kota suci Makkah. Pengalamannya ketika berada di kota suci ini membolehkan Hurgronje menghasilkan

<sup>4</sup> Augustus Ralli (1909), *Christians at Mecca*, London: William Heinemann, h. 23. Untuk keterangan lanjut tentang orang Kristian yang awal yang melawat Makkah, lihat G. Levi Della Vida, "Portuguese Pilgrims at Mecca in the Sixteenth Century", *The Moslem World*, Vol. XXXII, No. 4, October 1942, h. 283-297. Untuk perbincangan tentang orang Kristian yang melawat Makkah daripada Bertema hingga kepada kenaikan Ibn Sa'ud, lihat juga Arthur Jeffery, "Christians at Mecca", *The Moslem World*, Vol. XIX, No. III, July 1929, h. 221-235. Orang British yang pertama melawat Makkah ialah Joseph Pitt yang tinggal di kota suci tersebut dari bulan Ogos hingga November 1685. Lihat C.F. Beckingham (1950), "The Date of Pitt's Pilgrimage to Mecca", *Journal of the Royal Asiatic Society*, h. 112-113.

<sup>5</sup> John Winter Jones, "The Itinerary of Ludovico di Verthera", h. 450.

<sup>6</sup> Untuk huraian lanjut tentang lawatan Badia Leblich ke Hijaz, lihat "Travels of Ali Bey (Yomenico Badia Y. Leblich)", dalam *ibid.*, h. 659-728.

<sup>7</sup> Untuk huraian tentang peranan Hurgronje dalam merangka dasar ini, lihat Harry J. Benda, "Christian Snouck Hurgronje and the Foundation of Dutch Islamic Policy in Indonesia", dlm. Harry J. Benda (1972), *Continuity and Change in Southeast Asia*, New Haven: Yale University Southeast Asia Studies, h. 83-92; W.F. Wertheim (1972), "Counter-insurgency Research at the Turn of the Century - Snouck Hurgronje and the Aceh War", *Sociologische Gids*, Vol. XIX, h. 320-328.

tulisan yang menghuraikan tentang Makkah dan penduduknya.<sup>8</sup> Tulisan Hurgronje yang dihasilkan berdasarkan pemerhatiannya ini diberi judul *Mekka in the Latter Part of the 19th Century* dengan versinya lebih awal berjudul *Mekka* diterbitkan di German pada tahun 1888-89.<sup>9</sup>

Hurgronje sampai ke Jeddah dari Mesir pada 28 Ogos 1884 dan melalui bantuan yang diberikan oleh Konsulat Belanda, iaitu J.A. Kruyt, usaha dilakukan bagi membolehkan beliau memasuki kota Makkah.<sup>10</sup> Hurgronje memasuki kota Makkah pada 22 Februari 1885 dengan menggunakan nama Islam, iaitu Abd al-Ghaffur. Walau bagaimanapun, tempoh Hurgronje berada di Makkah berakhir pada bulan Ogos apabila beliau diarahkan meninggalkan Hijaz berikutan penglibatannya dalam komplot yang membawa kepada peristiwa kehilangan sebuah batu bersurat yang mempunyai nilai sejarah. Pengusirannya secara mengejut dari kota suci Makkah menyebabkan beliau gagal untuk ikut serta dalam ibadah haji yang menjadi misi utama kehadirannya di kota tersebut. Ia juga menafikan beliau melihat sendiri bagaimana rukun Islam kelima dilakukan, oleh umat Islam khususnya oleh orang Melayu.<sup>11</sup>

Walaupun demikian, tulisan yang dihasilkan oleh Hurgronje ketika berada di Makkah dianggap sebagai tulisan paling komprehensif yang menghuraikan tentang Makkah dan penduduknya, termasuk yang berkaitan dengan komuniti Melayu yang tinggal di kota tersebut pada akhir abad ke-19. Walaupun usaha gigih Hurgronje menulis kajian sosial dan topografi kota Makkah tidak boleh diketepikan begitu sahaja, namun tulisannya juga mempunyai kelemahan yang amat ketara. Latar

<sup>8</sup> William R. Roff (1975), "The Conduct of the Hajj From Malaya, and the First Malay Pilgrimage Officer", *SARI*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Occasional Paper, No. 1, h. 81. Untukuraian sepenuhnya tentang pengamatannya ketika tinggal di Makkah, lihat C. Snouck Hurgronje (1970), *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*, Leiden: E.J. Brill. Lihat juga Augustus Ralli, *Christians at Mecca*, h. 223-243.

<sup>9</sup> Lihat C. Snouck Hurgronje, *Mekka*, h. v. Versi dalam bahasa Inggeris buku *Mekka in the Latter Part of the 19th Century* diterjemahkan oleh J.H. Monahan dan diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1931 oleh E.J. Brill, Leiden and Luzac & Co., London.

<sup>10</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi, "Renungan Tentang Sejarah Masyarakat Rumpun Melayu di Makkah", Kertas kerja Pertemuan Dunia Melayu di Tanah Suci, pada 27 - 5 Jun 2000, anjuran Konsulat Jeneral Malaysia Jeddah, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa di Jeddah, Arab Saudi, 2000, h. 9.

<sup>11</sup> Jika tidak disebabkan kehilangan batu yang dikenali sebagai Teima atau Stela berkemungkinan Hurgronje tinggal lebih lama di kota suci ini. Untukuraian tentang penglibatan Hurgronje dalam peristiwa ini, lihat Augustus Ralli, *Christians at Mecca*, h. 237-243.

### Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

belakang kehadirannya di kota suci tersebut menyebabkan tulisannya terlalu diwarnai oleh pandangan yang penuh dengan prasangka terhadap umat Islam, khususnya komuniti Melayu yang tinggal di Makkah pada waktu itu. Walaupun tidak dapat dinafikan terdapat beberapa fakta berguna yang boleh dikutip dari tulisannya, namun kesahihan keseluruhan fakta yang beliau kemukakan boleh dipertikaikan memandangkan tempoh masa beliau tinggal di Makkah adalah amat singkat, sedangkan maklumat yang beliau huraikan amat terperinci yang tentunya sukar diperolehi dalam tempoh masa tersebut. Sebagai seorang yang asing dan pertama kali menjajakan kaki di kota tersebut, adalah sukar diterima hakikat bahawa beliau mampu mengumpulkan maklumat yang sebeginu banyak sebagaimana yang beliau paparkan dalam tulisannya. Terdapat kemungkinan tulisan Hurgronje hanya berdasarkan pandangan sepintas lalu dan melalui maklumat yang didengarnya yang diragui ketepatannya, bukan maklumat yang diperolehi melalui kajian yang mendalam dan bersifat objektif sebagaimana yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang sarjana.

Kajian yang dilakukan terhadap tulisan Hurgronje ini menunjukkan bahawa terdapat banyak maklumat yang beliau gunakan bagi menulis bukunya diperolehi daripada orang lain. Ini menyebabkan banyak pengamatan yang terkandung dalam tulisannya agak meragukan dan tidak boleh dianggap keseluruhannya sebagai fakta ilmiah. Terdapat juga maklumat yang dikemukakannya lebih merupakan imaginasi beliau atau berdasarkan khabar-khabar yang beliau dengar yang belum dapat dipastikan kesahihannya. Sebagai contoh, Hurgronje melaporkan maklumat yang diterimanya tentang gejala “gay” dan “lesbian” yang didakwa berlaku secara meluas di kalangan penduduk lelaki dan wanita Makkah. Menurut maklumat yang beliau terima, kegiatan ini berlaku apabila perayaan diadakan pada bulan Rabi’ al-Aakhir and Jumadil al-Ula.<sup>12</sup> Dengan latar belakang masyarakat Makkah yang masih tertutup pada waktu itu, dan ini turut diakui sendiri oleh Hurgronje dalam tulisannya, adalah amat sukar untuk dipercayai bahawa beliau mempunyai maklumat yang sebeginu eksklusif tentang aktiviti tersebut. Tanpa dinyatakan dari mana sumber maklumat tersebut beliau perolehi, adalah sukar untuk diterima sejauh mana kesahihan maklumat yang beliau laporkan itu.

Dalam satu catatan yang lain pula, Hurgronje turut menghuraikan peristiwa lucu yang melibatkan seorang jemaah haji “Jawah” yang pernah didengarinya. Ceritanya ialah tentang bagaimana seorang jemaah haji bangsa Melayu telah diperdaya sehingga bersetuju berkahwin dengan seorang wanita Mesir. Hurgronje menganggap peristiwa ini melucukan kerana wanita Mesir tersebut berbuat demikian semata-mata didorong oleh kepentingan kebendaan iaitu kerana beliau ingin mengikis harta yang dimiliki

<sup>12</sup> C. Snouck Hurgronje, *Mekka*, h. 51.

oleh lelaki Melayu tersebut.<sup>13</sup> Walaupun peristiwa yang dilaporkan itu merupakan sebuah kisah lucu, namun cara Hurgronje menghuraikannya dengan panjang lebar menggambarkan seolah-olah ianya sebuah kisah besar dan penting bagi menghuraikan keadaan sebenar penduduk Melayu di Makkah pada waktu itu.

Dalam tulisannya juga, Hurgronje cenderung membesar-besarkan perkara remeh dan bersifat sensasi. Sebaliknya, beliau gagal memberikan laporan yang menyeluruh berkaitan dengan pencapaian cemerlang orang Melayu di Makkah. Walaupun beliau menyedari tentang kehadiran dan kemasyhuran seorang ulama berketurunan Melayu, iaitu Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafa al-Fatani di kota Makkah yang beliau sendiri mengiktirafnya sebagai seorang “Sarjana Terbilang”, namun huraian yang dibuat tentang tokoh tersebut dilakukan agak ringkas.<sup>14</sup> Shaykh Wan Ahmad merupakan seorang ulama yang amat disegani di kota Makkah.<sup>15</sup> Kemasyhurannya adalah disebabkan oleh keilmuannya, di mana beliau telah menghasilkan sebanyak 160 judul tulisan yang merangkumi pelbagai aspek ilmu pengetahuan berkaitan dengan ajaran Islam, bidang perubatan, sejarah dan politik.<sup>16</sup> Sebahagian tulisannya dalam bidang-bidang ini masih lagi dicetak dan boleh didapatkan hingga ke hari ini kerana tulisan-tulisan tersebut digunakan sebagai rujukan dalam pengajian agama.<sup>17</sup> Di samping kedudukannya sebagai seorang ulama yang disegani, Shaykh Wan Ahmad juga diiktiraf sebagai seorang pemimpin yang dihormati di Hijaz mewakili Alam Melayu dan kedudukanya ini turut diiktiraf oleh kerajaan Uthmaniyyah. Pengiktirafan ini dimanifestasikan apabila beliau diberikan kepercayaan oleh Sultan Abdul Hamid II untuk menyelia percetakan yang menerbitkan kitab-kitab Melayu di Makkah, iaitu al-Matba’ah al-Miriyyah al-Kā’nah di Makkah apabila

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 252-253.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 286.

<sup>15</sup> Shaykh Wan Ahmad Zain dilahirkan pada tahun 1856 di Kampung Sena Janjar, Patani, Selatan Siam. Beliau mendapat pendidikan awal di Pondok Bendang Daya sebelum melanjutkan pengajian ke Makkah, Bait al-Muqaddis dan Mesir. Shaykh Wan Ahmad Zain meninggal dunia pada 14 Januari 1908 di Mina. Untuk keterangan lanjut tentang sejarah hidup, tulisan dan bekas pelajarnya, lihat H.W.M. Saghir Abdullah (1990), *Fatawa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*, Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, h. 33-60. Lihat juga H.W.M. Saghir Abdullah (1992), *Al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fathani: Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

<sup>16</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak (1992), “Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949”, PhD. Thesis, University of Stirling, h. 110.

<sup>17</sup> Lihat Virginia Matheson and M.B. Hooker (1988), “Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition”, *JMBRAS*, Vol. 61, Part 1, h. 28-30. Menurut Matheson, antara buku tulisan Shaykh Wan Ahmad yang masih dicetak termasuklah, *Faridat al-Faraaid fi 'Ilm al-'Aqa'id, Abniyat al-Asma' Wa al-Afa'al, Bahjat al-Muhtadin Wa Farhat al-Mujtadin*, *al-Fatawa al-Fataniyyah* dan *I'anah*.

ianya diwujudkan pada tahun 1884.<sup>18</sup> Di samping menyelia percetakan ini, Shaykh Wan Ahmad juga mengasaskan percetakannya sendiri, iaitu al-Maktabah al-Fataniyah yang terletak di Qashashiyah yang menjalankan kegiatan mencetak kitab-kitab dalam bahasa Arab dan Melayu.<sup>19</sup> Kitab-kitab agama yang diterbitkan oleh kedua-dua percetakan ini tersebar luas di seluruh Alam Melayu dan digunakan secara meluas dalam sistem pengajian tradisional.

Dalam bukunya juga Hurgronje gagal menyebut tentang seorang lagi ulama yang terkenal di Makkah pada waktu itu, iaitu Shaykh Ahmad Khatib bin Abdul Latiff al-Minangkabawi. Beliau merupakan seorang ulama islah yang berasal dari Minangkabau dan merupakan ulama pertama bukan daripada keturunan Arab yang dilantik menjadi salah seorang imam besar di Masjid al-Haram bagi mewakili pengikut mazhab Shafi'i di kota Makkah.<sup>20</sup> Shaykh Ahmad Khatib merupakan seorang ulama yang amat disegani di Makkah pada waktu itu dan mempunyai hubungan yang erat dengan Sharif Makkah. Adalah suatu perkara yang amat aneh bagaimana seorang ulama seperti Shaykh Ahmad Khatib yang begitu terkenal di Makkah pada waktu itu tidak disedari kehadirannya oleh Hurgronje, melainkan beliau memang sengaja menafikan kewujudannya kerana sebab-sebab tertentu atau bagi membolehkan ruang yang lebih banyak diperuntukkan dalam bukunya bagi menghuraikan perkara-perkara remeh dan yang boleh menimbulkan prasangka buruk di kalangan orang Islam. Menurut Haji Agoes Salim, Shaykh Ahmad Khatib mempunyai hubungan yang tidak baik dengan Hurgronje ketika orientalis Belanda ini berada di Makkah. Shaykh Ahmad Khatib adalah seorang yang amat anti-Belanda dan amat lantang menyuarakan penentangannya terhadap penjajahan Belanda ke atas Indonesia.<sup>21</sup>

<sup>18</sup> Snouck Hurgronje, *Mekka*, h. 286.

<sup>19</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, "Malay Book Publishing", h. 111.

<sup>20</sup> Shaykh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi dilahirkan Kota Gedang, berhampiran Bukit Tinggi, Sumatera pada tahun 1860. Beliau pergi ke Makkah pada tahun 1871 bagi menuntut ilmu dan terus tinggal di kota suci itu hingga ke akhir hayat, iaitu pada tahun 1916. Shaykh Ahmad Khatib menulis sekitar empat puluh buah buku yang sebahagian besarnya diterbitkan di Kaherah dan Makkah. Untuk maklumat lanjut mengenai sejarah hidupnya, lihat HAMKA (1967), *Ajaku: Riwayat Hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama Di Sumatera* (3rd ed.), Djakarta: Penerbitan Djajamurni, h. 230-232; Deliar Noer (1973), *The Modernist Muslim Movement in Indonesia, 1900-1942*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 31-33; Abu Bakar Hamzah, "Shaikh Tahir Jalalu'ddin", *Medium*, Jilid. 1, No. 1, September 1988, h. 88-89.

<sup>21</sup> Lihat Deliar Noer, *Modernist Muslim Movement*, h. 31 [notakaki]). Perbalahannya dengan orientalis Belanda ini mungkin merupakan jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Roff mengapa nama ulama ini tidak disebut oleh Hurgronje dalam bukunya, *Mekka* (lihat W.R. Roff (1980), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 60 [nota kaki 17]).

Kegagalan Hurgronje memberikan gambaran sebenar dan objektif tentang komuniti Melayu di Makkah merupakan sebahagian daripada banyak contoh bagi menunjukkan bahawa hasil tulisannya tidaklah sebegitu komprehensif dan objektif sebagaimana yang diagungkan oleh banyak pihak, terutamanya para orientalis Barat.<sup>22</sup> "Makkah pada penghujung abad ke-19" versi Hurgronje pada suatu ketika pernah dianggap sebagai sebuah karya *magnum opus*, tetapi bagi pengkaji Islam dalam erti kata yang sebenar, khususnya yang berkaitan dengan masyarakat Melayu di Makkah, tulisannya itu tidak boleh dianggap keseluruhannya sebagai sebuah karya akademik yang berdasarkan fakta yang jitu.

## IBADAH HAJI DAN ORANG MELAYU

Menurut Bernard Lewis, pemergian menunaikan ibadah haji merupakan mobiliti secara sukarela yang penting dan terbesar dilakukan oleh kelompok manusia sebelum era penjelajahan Eropah.<sup>23</sup> Bagi orang Melayu, pergi ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji merupakan peristiwa penting dalam kehidupan mereka selain dilahirkan, bersunat (untuk lelaki) dan berkahwin. Walaupun ibadat haji penting bagi mereka, namun adalah sukar untuk dipastikan bila orang Melayu paling awal belayar menuju ke Hijaz bagi menunaikan ibadah tersebut. Meskipun demikian, adalah dipercayai bahawa orang Melayu telah menunaikan ibadah haji sebaik-baik sahaja Islam disebarluaskan ke rantau ini. Umat Islam dari bandar-bandar pelabuhan seperti Melaka, Aceh, dan Riau, diketahui telah menunaikan rukun Islam yang kelima ini dan pergi ke pusat-pusat pengajian Islam yang terdapat di Timur Tengah bagi menuntut ilmu agama.<sup>24</sup>

Walaupun dengan maklumat yang terbatas tentang pemergian orang Melayu ke Makkah bagi menunaikan ibadah haji, namun terdapat beberapa laporan dan karya sastera yang menyumbangkan maklumat tentang amalannya yang awal. Seorang sejarawan tempatan, iaitu MISBAHA (Mohd. Saleh Haji Awang) yang menulis dengan merujuk laporan yang dibuat oleh Tome Pires, menyimpulkan bahawa orang Melayu yang pertama yang dicatatkan oleh sejarah pergi menunaikan ibadah haji

<sup>22</sup> Lihat Samuel M. Zwemer, "Snouck Hurgronje's "Mekka", *The Moslem World*, Vol. XXII, No. 3, July 1932, h. 219; Arthur Jeffery, "Christians at Mecca", h. 232; dan William R. Roff "Pilgrimage and the History of Religions. Theoretical Approaches to the Hajj", dlm. Richard C. Martin (ed) (1985), *Approaches To Islam in Religious Studies*, Tucson: The University of Arizona Press, h. 79.

<sup>23</sup> Lihat William R. Roff, "Pilgrimage and the History of Religions", h. 79-80.

<sup>24</sup> A.H. Johns, "The Turning Image: Myth & Reality in Malay Perceptions of the Past", dlm. Anthony Reid and David Marrs (eds.) (1979), *Perceptions of the Past in South East Asia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., h. 57.

ialah sultan Melaka, iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488).<sup>25</sup> Maklumat tentang pemergian orang Melayu menunaikan ibadah haji juga terdapat dalam karya klasik *Hikayat Hang Tuah*, di mana pahlawan Melayu Hang Tuah ketika singgah di Jeddah dalam kunjungan diplomatiknya ke Rum bagi membeli meriam untuk Sultan Melaka telah dipelawa oleh Shahbandar supaya menunaikan ibadah haji. Di samping menunaikan rukun yang diwajibkan, Hang Tuah juga dilaporkan menggunakan peluang kunjungannya itu dengan menziarahi makam Rasulullah di Madinah dan makam para sahabat di Baqi' serta Uhud. Beliau juga turut menziarahi makam shaykh, keramat dan para nabi yang terdapat di Tanah Suci bagi melengkapkan kunjungannya.<sup>26</sup>

Walaupun orang Melayu dipercayai telah menunaikan ibadah haji sejak menganut Islam, namun catatan yang jelas tentangnya hanya didapati pada abad ke-16. Ini termasuklah maklumat tentang pemergian Hamzah Fansuri yang belajar di beberapa buah pusat pengajian Islam di Semenanjung Tanah Arab pada akhir abad ke-16.<sup>27</sup> Satu lagi bukti jelas tentang pemergian awal orang Melayu menunaikan ibadah haji ialah pemergian Abdul Rauf Singkel ke Tanah Suci pada sekitar tahun 1643 bagi menuntut ilmu agama. Selain menunaikan ibadah haji, Abdul Rauf juga belajar selama sembilan belas tahun di beberapa pusat pengajian di Semenanjung Tanah Arab, termasuklah berguru dengan seorang ulama yang terkenal, iaitu Ibrahim al-Kurani. Beliau kemudiannya kembali ke Aceh di mana beliau amat dihormati oleh Sultan Aceh pada waktu itu, iaitu Sultanah Tajul Alam Safiuddin Shah (1641-1675).<sup>28</sup> Pemergian Abdul Rauf ke Hijaz dan tinggal di sana untuk satu tempoh yang

<sup>25</sup> Lihat MISBAHA (Mohd. Saleh Haji Awang) (1986), *Haji Di Semenanjung Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H (1896-1985)*, K. Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., h. 116-117. Walau bagaimanapun, Winstedt memberikan pandangan yang berlainan apabila beliau menyebut bahawa Sultan Mahmud pernah tidak menggalakkan ayahandanya, iaitu Sultan Alauddin daripada pergi ke Makkah bagi menunaikan ibadah haji kerana menurut pandangannya "Melaka adalah Makkah yang sebenarnya". Tulisan Winstedt juga turut menambah bahawa Sultan Alauddin mangkat ketika hendak berangkat ke Makkah. Lihat R.O. Winstedt (1935), "History of Malaya", *JMBRAS*, Vol. 13, Part 1, h. 52.

<sup>26</sup> Lihat V. Matheson and A.C. Milner (1984), *Perceptions of the Haj: Five Malay Texts*, Singapore: Institute of South East Asian Studies, h. 4-14.

<sup>27</sup> Peter Riddell (1989), "Earliest Quranic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States", *Archipel*, No. 38, h. 110-111.

<sup>28</sup> H.J. de Graaf, "South-East Asian Islam to the Eighteenth Century", dlm Ann K.S. Lambton & Bernard Lewis (eds.) (1970, 1942), *The Cambridge History of Islam*, Vol. 2, Cambridge: The University Press, h. 142; A.H. Johns, "Friend in Grace: Ibrahim al-Kurani and 'Abd al-Ra'uf al-Singkeli", dlm. S. Udin (ed) (1978), *Spectrum: Essays Presented to Sultan Takdir Alisjahbana on His Seventieth Birthday*, Jakarta: Dian Rakyat, h. 476. Abdul Rauf dilahirkan sekitar tahun 1024H/1615M dan meninggal dunia pada tahun 1105H/1693M.

panjang menunjukkan bahawa telah wujud amalan di mana orang Melayu pergi ke Makkah dan Madinah bagi menuntut ilmu serta menunaikan ibadah haji.

Sumber yang lebih banyak memberikan maklumat tentang pemergian orang Melayu menunaikan ibadah haji hanya didapati dari hasil karya yang ditulis pada pertengahan abad ke-19. Ini termasuklah maklumat yang diperolehi dari *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Pelayaran Abdullah*. *Tuhfat al-Nafis* ditulis pada tahun 1860-an di Pulau Penyengat. Dalam karya sastera Melayu klasik ini ada diceritakan tentang Raja Ahmad, anak pahlawan Bugis, iaitu Raja Haji pergi menunaikan ibadah haji kerana memerlui nazar disebabkan sembah daripada sakit dan bagi menunaikan rukun Islam yang kelima.<sup>29</sup> *Kisah Pelayaran Abdullah* pula merupakan naratif pelayaran yang dilalui oleh Munsyi Abdullah ketika dalam pelayaran untuk menunaikan ibadah haji pada tahun 1854.<sup>30</sup> Tulisannya melaporkan pengalaman sukar yang terpaksa dilaluinya dalam pelayaran menggunakan kapal layar yang mengambil masa selama tiga bulan untuk sampai ke Jeddah.<sup>31</sup> Walau bagaimanapun, tulisan Abdullah yang didasarkan kepada pengalamannya ini tidak dapat disiapkan sepenuhnya kerana beliau meninggal dunia di Jeddah pada bulan Oktober tahun tersebut.<sup>32</sup>

Walaupun penceritaan yang dibuat oleh Munsyi Abdullah tidak dapat disiapkan, namun tulisannya tentang perjalanan beliau itu merupakan yang paling terperinci. Tulisan lain yang terperinci hanya dibuat pada pertengahan tahun 1920-an oleh Abdul Majid Zainuddin, iaitu Pegawai Haji pertama yang dilantik oleh British bagi menjaga kebajikan jemaah haji Melayu. Sebagai seorang Pegawai Haji, Abdul Majid mempunyai kelebihan dalam menghuraikan bagaimana amalan ibadah haji dilakukan oleh orang Melayu daripada peringkat persiapan awal ketika masih berada di rumah, keadaan di Jeddah, perjalanan ke Makkah, amalan ibadah haji ketika berada di Makkah, bentuk fizikal kota Makkah, hingga ke perjalanan pulang dari Tanah Suci.<sup>33</sup> Tulisan oleh Jaafar bin Jusoh pada tahun 1930-an pula merupakan tulisan

<sup>29</sup> V. Matheson and A.C. Milner, *Perceptions of the Hajj*, h. 15.

<sup>30</sup> Munshi Abdullah mencatatkan tarikh beliau memulakan perjalanan sebagai 29 Jamadil Awal 1273H. Lihat Kassim Ahmad (1981), *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 92. Walau bagaimanapun, tahun 1273H tidak bersamaan dengan tahun 1854 dan mengikut MISBAHA tarikh 29 Jamadil Awal jatuh pada 26 Januari 1857 atau tahun 4555 mengikut Tahun Baru Cina. Lihat MISBAHA, *Haji Di Semenanjung Malaysia*, h. 128.

<sup>31</sup> MISBAHA, *Haji Di Semenanjung Malaysia*, h. 135-136. Untuk huraian tentang pengalaman yang dilalui oleh Munsyi Abdullah dan keadaan dalam pelayaran, lihat Kassim Ahmad, *Kisah Pelayaran Abdullah*, h. 92-118.

<sup>32</sup> V. Matheson and A.C. Milner, *Perceptions of the Hajj*, h. 21.

<sup>33</sup> Lihat Haji Abdul Majid Zainuddin, "A Malay Pilgrimage to Mecca", *JMBRAS*, Vol. 1V, Parts 1 & 2, October 1926, h. 269-287.

## Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

yang paling terperinci yang melaporkan tentang pengalaman harian menaiki kapal wap semasa dalam pelayaran menuju Jeddah dan pelayaran pulang ke tanah air dari Jeddah serta juga pengalaman ketika berada di Jeddah, Makkah dan Madinah. Bukananya juga turut memuatkan gambar-gambar di pelabuhan Jeddah, bandar Makkah dan Madinah.<sup>34</sup> Di samping tulisan-tulisan ini pelbagai aspek berkaitan dengan ibadah haji seperti masalah kesihatan, keselamatan, perjalanan dan kebajikan dihuraikan secara terperinci oleh William R. Roff dalam tulisannya, “The Conduct of the Hajj From Malaya, and the First Malay Pilgrimage Officer”.<sup>35</sup> Dalam sebuah lagi tulisannya, Roff turut membincangkan aspek kesihatan dan keselamatan jemaah haji dari Tanah Melayu sebelum penglibatan pentadbiran British dalam urusan pemergian orang Melayu ke Tanah Suci.<sup>36</sup>

Selain tulisan-tulisan ini, beberapa tulisan lain juga menghuraikan pelbagai aspek berkaitan dengan ibadah haji. Pengaruh politik, ekonomi dan pengaruh-pengaruh yang lain serta peranannya kepada ibadah haji dibincangkan oleh Jacob Vredenbregt.<sup>37</sup> Manakala pemergian ke Tanah Suci yang berkaitan dengan pola, kesihatan dan kebajikan pemergian haji oleh orang Melayu, termasuklah persiapan ketika masih berada di kampung, perjalanan pergi, pengalaman ketika berada di Hijaz, perjalanan pulang dan sambutan sekembalinya dari Tanah Suci dihuraikan dengan panjang lebar oleh Mary Byrne McDonnell.<sup>38</sup> Hamdan Hassan pula menyumbangkan tulisan yang walaupun tidak secara langsung berkaitan dengan ibadah haji, tetapi memberikan huraian yang terperinci tentang tariqah yang berasal dari Makkah, iaitu Tariqat

<sup>34</sup> Lihat Jaafar bin Jusoh al-Hajj (1937), *Perihal Pemergian Ke Mekah dan Madinah, iaitu Pelayaran dan Perjalanan Ke Mekah al-Mushrifah Bagi Mengerjakan Haji dan Ke Madinah al-Munawwarah Bagi Ziarah Makam Rasul Allah s.a.w dan Sahabat-Sahabatnya*, Johor Bahru: Soo Ping Hang Press.

<sup>35</sup> William R. Roff, “The Conduct of the Hajj”, h. 81-111. Lihat juga William R. Roff (1978) (Ed. with Intro. and Notes), *The Wandering Thought of a Dying Man, The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

<sup>36</sup> Lihat William R. Roff (1982), “Sanitation and Security. The Imperial Power and the Nineteenth Century Hajj”, *Arabian Studies*, Vol. VI, h. 143-160.

<sup>37</sup> Lihat Jacob Vredenbregt (1962), “The Haddj. Some of its Features and Functions in Indonesia”, *Bijdragen van het Koninklijk Instituut*, Vol. 118, h. 91-154. Walaupun tumpuan kajianya berkaitan dengan pemergian menunaikan ibadah haji yang membabitkan umat Islam Indonesia, namun terdapat juga kaitannya dengan pemergian ke Tanah Suci oleh umat Islam di Tanah Melayu. Umpamanya, terdapat perbincangan tentang peranan yang dimainkan oleh broker haji dan firma Alsagoff di Singapura (lihat h. 126-128).

<sup>38</sup> Lihat Byrne McDonnell (1986), “The Conduct of Hajj From Malaysia and Its Socio-Economic Impact on Malay Society: A Descriptive and Analytical Study 1860-1981”, PhD. Dissertation, Columbia University.

Ahmadiyah yang diamalkan oleh masyarakat Melayu.<sup>39</sup> Walaupun terdapat beberapa tulisan tentang ibadah haji yang diterbitkan oleh akhbar-akhbar Melayu sebelum Perang Dunia II, namun tulisan-tulisan ini hanya menghuraikan tentang kewajipan menunaikan rukun Islam yang kelima ini dan menggalakan umat Islam menunaikannya, bukannya menghuraikan tentang pengalaman perjalanan dan pengalaman berada di Tanah Suci ketika menunaikan ibadah tersebut.<sup>40</sup>

Di Tanah Melayu, pemergian ke Tanah Suci diberikan perhatian yang istimewa oleh umat Islam. Sudah menjadi amalan tahunan, mereka akan pergi beramai-ramai ke pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang bagi menghantar saudara mara mereka yang akan berangkat untuk menunaikan ibadah haji dengan kapal menuju Jeddah. Walaupun kemuncak kepada ibadah haji ialah wuquf di Arafah pada 10 Zulhijjah tahun Hijrah, namun disebabkan masa yang panjang yang diambil untuk sampai ke Makkah dari kampung halaman masing-masing ke pelabuhan berlepas dan pelayaran ke Tanah Suci, persiapan untuk perjalanan tersebut biasanya dibuat kira-kira enam bulan lebih awal, iaitu sejak bulan Rejab.<sup>41</sup> Persiapan ini termasuklah persiapan atas ketika masih di kampung seperti memilih pakaian yang sesuai, menyediakan bekalan makanan yang secukupnya dan membuat persiapan lain yang diperlukan sepanjang perjalanan.<sup>42</sup> Bekalan makanan ini diperlukan kerana ketika dalam pelayaran menuju Jeddah, jemaah haji tidak disediakan makanan dan mereka terpaksa memasak sendiri makanan di sepanjang pelayaran. Namun begitu, bermula dari musim haji tahun 1929/30 syarikat-syarikat perkapalan diwajibkan menyediakan makanan kepada jemaah haji dalam pelayaran menuju Jeddah dan dalam pelayaran pulang.<sup>43</sup> Peraturan ini dibuat bukan sahaja bagi memudahkan bakal-bakal haji ketika dalam pelayaran, tetapi mempunyai kaitan juga dengan perkara keselamatan dan kesihatan penumpang kapal.

Di samping persiapan-persiapan ini, sebelum memulakan perjalanan bakal-bakal haji juga diperlukan menyediakan dokumen-dokumen yang sewajarnya, terutamanya

<sup>39</sup> Lihat Hamdan Hassan (1992), *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia, Satu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>40</sup> Lihat umpamanya, Muhammad Bisyuni Imran, "Surat Kiriman Faedah dan Manfaat Haji", *Neracha*, Jilid. 2, No. 52, 25 September 1912, h. 3-4; "Haji dan Umat Islam", *Seruan Azhar*, Jilid. 1, No. 7, April 1926, h.127-129; Ishak Lutfi Umar Kelantan, "Falsafah Haji", *al-Hikmah*, Jilid. 3, No. 88, 21 Mei 1936, h. 9-10.

<sup>41</sup> Haji Abdul Majid, "A Malay's Pilgrimage to Mecca", h. 267.

<sup>42</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang keperluan yang perlu disiapkan, lihat MISBAHA, *Haji Di Semenanjung Malaysia*, h. 100.

<sup>43</sup> Lihat FO 371/73712, Governor of the Straits Settlements to Lord Passfield of Colonial Office, 11 July 1929.

## Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

pas haji yang mula digunakan dari musim haji tahun 1924 dan dikuatkuasakan penggunaan sepenuhnya pada musim haji tahun 1927.<sup>44</sup> Dari tahun 1928 pula, bakal-bakal haji dikehendaki menyediakan bukti bahawa mereka sudah disuntik bagi mencegah penyakit cengkering dan taun serta mendapat pengesahan bahawa mereka berada dalam keadaan sihat daripada doktor sebelum dibenarkan menaiki kapal yang membawa jemaah haji ke Jeddah.<sup>45</sup> Langkah-langkah yang diambil oleh pentadbiran British di Tanah Melayu ini bertujuan bagi membolehkan pemantauan dilakukan dengan lebih berkesan dan bagi mengelakkan kematian yang ramai disebabkan oleh wabak penyakit.

Persiapan lain yang penting yang perlu dilakukan oleh bakal-bakal haji Melayu sebelum berangkat ke Makkah ialah mencari broker haji atau mutawif yang bersesuaian bagi menguruskan semua perkara yang berkaitan sepanjang menuaikan ibadah haji.<sup>46</sup> Memandangkan pemergian ke Tanah Suci ini bagi kebanyakan bakal-bakal haji Melayu merupakan pengalaman pertama meninggalkan kampung halaman masing-masing, peranan mutawif ini amat penting bagi memastikan kejayaan perjalanan yang dirancang. Institusi ini yang disifatkan oleh Roff sebagai “setua ibadah haji itu sendiri” amat diperlukan oleh bakal-bakal haji kerana peranan yang dimainkannya sebagai pemandu, baik dari segi spiritual maupun fizikal apabila memasuki kota Makkah dan Madinah dan meninggalkannya.<sup>47</sup> Bagi jemaah haji Melayu, peranan mutawif ini turut ditambah oleh Roff sebagai pemandu, pengajar dan malahan juga sebagai rakan yang amat diperlukan sepanjang melakukan ibadah ini.<sup>48</sup>

Walaupun institusi ini merupakan satu institusi yang penting bagi menjamin misi penting dalam kehidupan seseorang jemaah haji, namun institusi tersebut diuruskan dalam keadaan yang amat mudah. Bakal-bakal haji biasanya akan menghubungi

<sup>44</sup> Untuk perbincangan tentang pelbagai aspek yang berkaitan dengan pas haji, termasuklah sejarah pengenalannya, mereka yang layak memiliki maklumat yang diperlukan dan sebagainya, lihat Nabihah Haji Hassan, “Sejarah Pengerajan Haji Orang-Orang Tanah Melayu. Tumpuan Kajian Di Antara Tahun 1900-1940”, Tesis B.A. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977/78, h. 34-48. Lihat *Pengasoh*, Jilid. 8, No. 188, 28 Januari 1926, h. 10-11. Untuk peraturan yang terdapat dalam pas haji ini, lihat CO 273/535/5, Enclosure 2.

<sup>45</sup> Lihat Nabihah Haji Hassan, “Sejarah Pengerajan Haji”, h. 58.

<sup>46</sup> Untuk perbincangan berkaitan pelbagai aspek tentang mutawif seperti asal-usul, peranan dan peraturan yang dikenakan oleh pentadbiran British di Tanah Melayu terhadap institusi ini, lihat *ibid.*, h. 65-74.

<sup>47</sup> William R. Roff, “The Conduct of the Hajj”, h. 106.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 107.

mutawif yang difikirkan paling sesuai melalui kenalan di Pulau Pinang atau Singapura atau melalui cadangan yang diberikan oleh rakan-rakan yang berpuas hati dengan perkhidmatan yang pernah diberikan oleh mutawif berkenaan. Di Pulau Pinang dan Singapura, mutawif ini hampir sebahagian besarnya dimonopoli oleh komuniti Arab dan agen-agen mereka. Merekalah yang memainkan peranan membuat persiapan yang diperlukan seperti menempah tiket untuk perjalanan, menentukan pemandu yang sesuai dan memberikan maklumat serta mengajar perkara-perkara yang diperlukan bagaimana ibadah haji ini seharusnya dilakukan.<sup>49</sup>

Dari segi sejarah, perjalanan orang Melayu untuk menunaikan ibadah haji bukan suatu yang mudah. Sebelum perjalanan yang lebih cepat diperkenalkan, pelayaran bakal-bakal haji ke Jeddah dilakukan dengan menggunakan kapal layar yang mengambil masa yang panjang dan terdedah kepada pelbagai bencana. Sebagai contoh, dalam perjalanan dengan menggunakan kapal layar untuk menunaikan ibadah haji dalam tahun 1886, Tok Kenali terpaksa melalui satu pengalaman yang menakutkan apabila ombak yang menggunung menyebabkan tiang layar kapal yang ditumpanginya patah. Disebabkan bencana yang dialaminya ini, pelayarannya menuju Jeddah terpaksa mengambil masa selama enam bulan sedangkan pada kebiasaannya ia hanya mengambil masa selama tiga bulan sahaja.<sup>50</sup> Pada tahun-tahun awal apabila kapal wap mula diperkenalkan, pelayaran menggunakan kapal layar masih diteruskan kerana terdapat permintaan daripada sebilangan orang Melayu kerana belanja perjalanan yang dikenakan dengan cara tersebut adalah lebih murah.<sup>51</sup>

Penggunaan kapal wap bagi membawa bakal-bakal haji ke Jeddah menjadi semakin popular sejak akhir 1860-an. Walaupun pelayaran menggunakan kapal wap lebih cepat jika dibandingkan dengan pelayaran menggunakan kapal layar, namun keadaan kapal-kapal ini tidak diuruskan dengan baik. Sering terjadi kapal ini sesak dengan penumpang kerana syarikat perkапalan mengambil kesempatan bagi memaksimumkan keuntungan. Inilah keadaan yang dilaporkan pernah berlaku kepada kapal wap SS Day Dream yang membawa 613 jemaah haji Melayu melebihi jumlah

<sup>49</sup> Untuk huriaian lanjut tentang amalan ibadat yang dilakukan ketika menunaikan ibadah haji, lihat Haji Abdul Majid, "A Malay Pilgrimage to Mecca", h. 271-287; Nabihah Haji Hassan, "Sejarah Pengerjaan Haji", h. 15-27.

<sup>50</sup> Lihat Abdullah al-Qari Haji Salleh (1967), *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 24.

<sup>51</sup> Bilakah pelayaran menggunakan kapal wap untuk ke Jeddah untuk menunaikan ibadah haji mula dilakukan adalah sukar untuk ditentukan. Munsyi Abdullah melaporkan bahawa kapal wap yang pertama berlabuh di Singapura ialah kapal yang bernama Sesotris yang sampai ke pelabuhan tersebut pada 3 Ogos 1841. Lihat Abdullah bin Abdul Kadir (1943), *Bahawa ini Churta Kapal Asap*, Singapore, Kampung Beras Basah, h. 1.

yang sepatutnya, iaitu seramai 216 orang.<sup>52</sup> Menjelang pertengahan tahun 1870-an pelayaran yang menggunakan kapal wap semakin meningkat dan terdapat sekurang-kurangnya tujuh kapal wap yang membawa jemaah haji dari Tanah Melayu ke Jeddah. Setiap kapal ini kebiasaannya membawa penumpang seramai antara seratus sehingga seribu orang bagi setiap kali pelayaran.<sup>53</sup> Walaupun pelayaran menggunakan kapal wap lebih cepat dan selamat, namun tidak semestinya ia merupakan perjalanan yang menyeronokkan, kerana terkadang pelayaran ini juga turut menempuh bencana seperti yang dialami oleh kapal wap “Jeddah” pada bulan Ogos 1880 yang membawa seramai seribu orang bakal haji yang terkandas di Tanjung Guardafui, di pintu masuk di Teluk Aden.<sup>54</sup> Pernah juga terjadi kapal wap yang membawa jemaah haji dari Tanah Melayu tersadai kerana terlanggar batu karang di Laut Merah.<sup>55</sup>

Pada tahun 1920-an, apabila perjalanan menggunakan kapal wap semakin popular masa yang diambil untuk sampai ke Jeddah ialah antara tiga belas hingga tujuh belas hari bergantung kepada keadaan cuaca.<sup>56</sup> Sebahagian besar pelayaran yang membawa bakal haji ke Jeddah dilakukan oleh syarikat perkапalan yang dimiliki oleh Blue Funnel Company (Syarikat Serombong Biru) yang mengendalikan pelayaran yang melibatkan kira-kira lapan puluh lima peratus bakal-bakal haji yang bertolak dari pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura. Bakinya dikendalikan oleh syarikat-syarikat lain, termasuklah kapal yang dimiliki oleh Syarikat Nemazie dan Syarikat Straits-Hejaz Steamship. Untuk musim haji pada tahun 1927, terdapat tiga puluh tiga kapal haji yang membawa jemaah haji dari Pulau Pinang dan Singapura ke Jeddah. Dua puluh lapan kapal ini dimiliki oleh Syarikat Perkapalan Serombong Biru, tiga dimiliki oleh Syarikat Nemazie dan dua lagi dimiliki oleh Syarikat Straits-Hejaz Steamship.<sup>57</sup> Dari segi jumlah penumpang yang dibawa pula, Syarikat Serombong Biru membawa

<sup>52</sup> CO 273/30 R.S. Ellis to Colonial Secretary of Straits Settlements, 19 March 1869.

<sup>53</sup> Lihat CO 273/92, “Correspondence Reporting Turkish Regulations For Pilgrim Traffic”, 1 May 1875, h. 17. Lihat juga CO 273/67, 4 July 1873, untuk senarai kapal dan jumlah penumpang yang diluluskan oleh Pejabat Master of Attendants, Singapura untuk mengangkut jemaah haji ke Jeddah bagi musim haji pada tahun 1871 dan tahun 1872.

<sup>54</sup> Lihat William R. Roff, “Sanitation and Security”, h. 151.

<sup>55</sup> Lihat *Neracha*, Jilid. 3, No. 160, 27 Ogos 1913, h. 1.

<sup>56</sup> Haji Abdul Majid, “A Malay Pilgrimage to Mecca”, h. 270. Untuk huriaian ringkas tentang pengalaman peribadi menaiki kapal ke Jeddah bagi menuaikan ibadah haji, lihat “Perihal Haji”, *Bulan Melayu*, Jilid. 3, No. 4, 2 July 1935, h. 35-38.

<sup>57</sup> Lihat GA 602/27 [Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor Bahru] No. 2 dalam H.C.O. 1069/27, Secretary to High Commissioner to General Adviser Johore; lampiran Report of the 1926/27 Pilgrimage by Haji Abdul Majid Zainuddin, the Malay Pilgrimage Officer September 1927, h. 1.

seramai 22,554 penumpang, Syarikat Nemazie membawa seramai 4,855 penumpang dan Syarikat Straits-Hejaz Steamship membawa seramai 2,195 penumpang. Jumlah penumpang ini termasuklah jemaah haji dari Hindia Timur Belanda yang belayar ke Jeddah menggunakan kapal-kapal ini dengan menaikinya melalui pelabuhan Singapura.<sup>58</sup>

Walaupun dengan menggunakan kapal wap, masa yang diambil untuk pelayaran menuju Jeddah dapat dikurangkan, namun keadaan kapal adalah terlalu sesak dan kebijakan penumpang tidak terurus. Keadaan ketika pelayaran pergi dan balik jemaah haji Melayu yang kurang selamat, kebersihan yang tidak memuaskan dengan kapal yang sesak dan kotor berterusan sehingga tahun 1930-an. Keadaan kapal yang kotor ini merupakan antara penyumbang kepada kadar kematian yang tinggi yang dialami oleh jemaah haji seperti yang berlaku pada musim haji tahun 1927 apabila sejumlah lapan puluh sembilan kematian direkodkan ketika dalam pelayaran.<sup>59</sup> Keadaan yang buruk ini mendapat perhatian pentadbir kolonial British dan inilah antara faktor yang menjadi penyumbang penglibatan mereka dalam urusan pemergian orang Melayu bagi menunaikan haji dari Tanah Melayu.<sup>60</sup>

Keadaan perjalanan yang tidak begitu selesa dan pengalaman sukar yang dialami tidak hanya terbatas ketika bakal-bakal haji ini berada dalam pelayaran sahaja. Ini kerana mereka sudah mengalami pelbagai kesukaran sejak dari awal perjalanan ketika berada di pelabuhan Tanah Melayu sebelum kapal belayar menuju Jeddah. Keadaan buruk ini pernah mendorong akhbar *al-Ikhwan* menyeru supaya Sayyid al-Nabil Hamid bin Umar al-Mashhor, iaitu salah seorang mutawif yang mengendalikan jemaah haji dari Pulau Pinang supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya kapal haji dapat berlabuh hampir dengan dermaga bagi mengelakkan bakal-bakal haji terpaksa menaiki bot terlebih dahulu sebelum menaiki kapal untuk berangkat menuju Jeddah. Ini kerana keadaan ini mendedahkan mereka kepada panas terik atau malam yang pekat.<sup>61</sup> Di samping perjalanan yang serba sukar, bakal-bakal haji Melayu juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk eksloitasi ketika

<sup>58</sup> Lihat CO 273/535/5, "Report on the Pilgrimage, 1927", 17 Oktober 1927, h. 22.

<sup>59</sup> Lihat Nabihah Haji Hassan, "Sejarah Pengerjaan Haji", h. 97.

<sup>60</sup> Lihat umpamanya surat menyurat CO 273/73 (9 Jun 1869), CO 273/34 (8 Disember 1869), CO 273/67 (11 Julai 1873), CO 273/73 (9 April 1873), CO 273/73 (29 September 1873), CO 273/75 (12 Mac 1874), CO 273/82, 9 Februari 1875), CO 273/89 (4 Januari 1876).

<sup>61</sup> Lihat *Al-Ikhwan*, Jilid. 1, No. 9, 16 Mei 1927, h. 183). Untuk huraihan tentang pengalaman-pengalaman sukar ini, lihat juga MISBAHA, *Haji Di Semenanjung Malaysia*, h. 148.

masih lagi berada di pelabuhan sebaik-baik sahaja sampai ke Jeddah.<sup>62</sup> Pada akhir abad ke-19, pernah berlaku eksplotasi yang menyediakan apabila dilaporkan terdapat mereka yang tidak bernasib baik daripada kalangan bakal haji dari Jawa yang belayar melalui pelabuhan Singapura, telah ditipu sehingga menyebabkan mereka menjadi papa dan terpaksa meminjam wang daripada broker Haji. Bagi membayar semula pinjaman yang dibuat ini, mereka terpaksa menjadi buruh paksa di ladang-ladang di Johor sekembalinya daripada menunaikan ibadah haji.<sup>63</sup>

Belanja yang diperlukan bagi pemergian orang Melayu untuk menunaikan ibadah haji juga amat mahal kerana jumlah wang yang diperlukan untuk tujuan ini agak banyak. Bagi seorang petani biasa, jumlah wang yang diperlukan bagi membiayai pemergian menunaikan ibadah haji melibatkan simpanan yang dibuat seumur hidup. Kebiasaannya mereka terpaksa mengambil masa selama dua puluh lima tahun untuk mengumpulkan wang yang mencukupi bagi membiayai pembelian tiket dan belanja hidup ketika berada di Tanah Suci.<sup>64</sup> Pada akhir abad ke-19 di Jelebu umpamanya di mana kajian pernah dibuat, seseorang itu memerlukan tabungan sebanyak \$200 bagi membolehkannya mempunyai biaya yang mencukupi bagi menunaikan ibadah haji.<sup>65</sup> Mengikut Abdul Kadir Haji Din, pada tahun 1926, kos yang diperlukan bagi membolehkan seseorang itu menunaikan ibadah haji ialah sebanyak \$600. Menjelang tahun 1947 jumlah ini meningkat kira-kira \$1,500 bagi membolehkan seseorang mempunyai jumlah wang yang mencukupi bagi menunaikan ibadah haji.<sup>66</sup>

Pemergian menunaikan haji juga kadang-kadang merupakan persoalan antara hidup dengan mati kerana keadaan buruk yang terpaksa dilalui ketika dalam perjalanan dan ketika berada di Tanah Suci. Selain cabaran yang terpaksa dilalui

<sup>62</sup> Ketika bakal-bakal haji masih berada di pelabuhan, baik di Pulau Pinang atau Singapura lagi mereka telah terdedah dengan pelbagai bentuk eksplotasi dan penipuan. Sering berlaku bakal-bakal haji ini ditipu oleh broker haji seperti dalam kes yang dilaporkan oleh akhbar *Neracha* yang memberi liputan meluas berita pendakwaan ke atas dua orang broker haji yang menipu pelanggannya. Lihat *Chahaya Pulau Pinang*, Jilid 7, No. 3, 27 Oktober 1906, h. 3.

<sup>63</sup> N. Rajendran, "Notes On Haji Labour in Early Singapore", *Malaysia in History*, Vol. 25, 1982, h. 124-125.

<sup>64</sup> Lihat Jacob Vredenbergt, "The Haddj: Some of its Features", h. 135. Walaupun ini merujuk kepada petani di Hindia Timur Belanda, namun keadaannya tidak banyak berbeza dengan apa yang terdapat di Tanah Melayu.

<sup>65</sup> Lihat J.M. Gullick, "The Negeri Sembilan Economy of the 1890s", *JMBRAS*, Vol. XXIV, Part 1, February 1951, h. 48.

<sup>66</sup> Lihat Abdul Kadir Haji Din, "Economic Implication", h. 65. Untuk maklumat tentang belanja menunaikan ibadah haji dari tahun 1875-1981, lihat Mary Bryne McDonnell, "The Conduct of Hajj From Malaysia", Appendix III, h. 639

semasa dalam pelayaran, jemaah haji juga terpaksa menempuh pengalaman hidup yang mencabar sepanjang berada di Tanah Suci. Sebelum kenderaan bermotor diperkenalkan secara meluas pada tahun 1930-an, pengangkutan yang digunakan untuk pergi dari Jeddah ke Makkah dan ke Madinah menggunakan unta yang meredah padang pasir yang panas terik. Perjalanan menaiki unta dari Jeddah ke Makkah mengambil selama dua hari, manakala perjalanan dari Makkah ke Madinah pula mengambil masa selama lima belas hari. Perjalanan menuju destinasi ini dilakukan secara berkonvoi yang terdiri daripada sepuluh hingga dua puluh ekor unta yang dinaiki oleh dua orang bagi setiap ekor dan biasanya dilakukan pada waktu malam bagi mengelakkan daripada terdedah kepada panas cahaya matahari.<sup>67</sup>

Keadaan yang serba mencabar ini menyebabkan ramai jemaah haji yang jatuh sakit, dan malahan ramai yang meninggal dunia. Pada musim haji pada tahun 1924 dilaporkan bahawa 540 daripada 3,317 jemaah haji yang melaporkan diri di Konsulat British di Jeddah meninggal dunia dan jumlah ini merupakan kira-kira enam peratus daripada keseluruhan jumlah jemaah haji dari Tanah Melayu. Jumlah ini bukanlah suatu jumlah yang luar biasa kerana sudah menjadi kelaziman jumlah kematian yang tinggi berlaku di kalangan jemaah haji pada waktu itu.<sup>68</sup> Pada musim haji tahun 1927 daripada seramai 12,184 jemaah haji dari Tanah Melayu yang belayar dari pelabuhan-pelabuhan di Tanah Melayu tidak kurang daripada 12.5 peratus atau kira-kira 1,492 jemaah haji telah meninggal dunia ketika dalam perjalanan pergi dan balik bagi menunaikan ibadah haji.<sup>69</sup>

Walaupun dengan kesusahan yang dialami dan kedudukan Hijaz yang jauh dari Tanah Melayu, secara perbandingan dengan jumlah penduduknya, jumlah umat Islam dari Tanah Melayu dan Hindia Timur yang menunaikan ibadah haji agak membanggakan. Statistik yang direkodkan oleh pemerintah Belanda pada tahun 1911 menunjukkan bahawa seramai lebih dua puluh empat ribu yang merangkumi tiga puluh peratus jemaah haji dari luar Hijaz yang pergi ke Tanah Suci bagi menunaikan

<sup>67</sup> Temu bual dengan Hajjah Umi Kalthom binti Haji Kulop Mamat yang pergi menunaikan ibadah haji bersama-sama ibu bapanya pada tahun 1927 ketika berusia sembilan tahun. Temu bual pada 26 April 2004, di Batu 18, Padang Rengas, Perak.

<sup>68</sup> Arkib Negara Malaysia, Fail 1039/24, "Annual Report on the Pilgrimage During the Year 1924 AD (Season 1342AH)", lampiran Director, Political Intelligence Bureau, 10 October 1924.

<sup>69</sup> Untuk angka kematian jemaah haji Melayu mengikut negeri untuk tahun tersebut, lihat GA 602/27, h. 9. Untuk perangkaan kematian jemaah haji Melayu dari tahun 1865-1938, lihat Mary Byrne McDonnell, "The Conduct of Hajj From Malaysia", Appendix 1V-b, h. 641-642.

### Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

rukun Islam yang kelima ini datangnya dari Hindia Timur Belanda.<sup>70</sup> Di antara tahun 1921-1930, dianggarkan lebih sesuku penduduk Hindia Timur Belanda telah menunaikan ibadah haji daripada keseluruhan penduduknya seramai sekitar lima puluh juta orang. Di Tanah Melayu pula hampir lima puluh ribu daripada jumlah penduduknya seramai sekitar dua juta orang telah menunaikan tanggungjawab agama ini. Secara perbandingan dengan jumlah penduduk Islamnya, rantau ini menghantar lebih ramai bakal-bakal haji ke Tanah Suci jika dibandingkan dengan orang India, Iran atau Turki bagi menunaikan rukun Islam ini. Nisbah ini dapat dilihat daripada jumlah bakal haji dari Tanah Melayu yang menunaikan rukun Islam ini pada tahun-tahun puncak seperti pada tahun 1927 di mana tidak kurang daripada 52,000 jemaah haji dari Indonesia dan 12,000 dari Tanah Melayu wuquf di Arafah. Jumlah ini merangkumi separuh daripada jumlah bakal haji dari luar tanah Arab yang menunaikan ibadah haji. Dari segi nisbah penduduk, jumlah ini dianggap tinggi iaitu kira-kira 1:1000 bagi Indonesia dan 6:1000 bagi Tanah Melayu. Secara relatifnya juga nisbah ini dianggap tinggi kerana Mesir yang jauh lebih dekat dengan Tanah Suci jika dibandingkan dengan Tanah Melayu atau Hindia Timur Belanda juga menghantar jumlah bakal haji pada nisbah 1:1000 penduduknya untuk menunaikan ibadah haji, iaitu menyamai nisbah jemaah haji dari Indonesia.<sup>71</sup>

Walaupun orang Melayu telah menunaikan ibadah haji sejak menjadi umat Islam, namun jumlah mereka yang melakukan ibadah ini dengan jelas memperlihatkan pertambahan yang pesat pada awal abad ke-20. Peningkatan mendadak ini disumbangkan oleh beberapa faktor. Faktor terpenting ialah kerana terdapat kemudahan pengangkutan. Kedudukan Alam Melayu di laluan kapal wap yang membuat pelayaran dari Eropah ke Timur Jauh menyediakan pengangkutan untuk bakal-bakal haji yang ingin menunaikan rukun Islam ini. Kelebihan ini juga turut dibantu dengan pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 dan penggunaan kapal wap yang meningkatkan lagi perhubungan perdagangan antara Timur dengan Barat. Syarikat-syarikat perkapalan mendapati bahawa pengangkutan penumpang yang terdiri daripada jemaah haji dari Tanah Melayu amat menguntungkan. Ini disebabkan

<sup>70</sup> Lihat Harry J. Benda, "South-East Asian Islam in the Twentieth Century", dlm. Ann K.S. Lambton and Bernard Lewis (eds.) (1970), *The Cambridge History of Islam*, Vol. 2, Cambridge: Cambridge University Press, h. 182.

<sup>71</sup> Lihat William R. Roff, "The Meccan Pilgrimage. Its meaning for Southeast Asian Islam", dlm. Raphael Israeli and Anthony H. John (eds.) (1984), *Islam in Asia Vol. II Southeast and East Asia*, Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, h. 239. Lihat juga Eldon Rutter, "The Muslim Pilgrimage", *Geographical Journal*, Vol. LXXIV, No. 3, September 1929, h. 271; R.J. Wilkinson (1947), "Papers on Malay Customs and Beliefs", *JMBRAS*, Vol. 30, Part 4, h. 6.

kapal-kapal dagang ini boleh mengisi ruangan atas kapal dan dek dengan jemaah haji, manakala di bahagian bawah diisi dengan beras, gula, kopi, kayu balak dan lain-lain barang perdagangan untuk pedagang di Jeddah.<sup>72</sup>

Jumlah terbesar orang Melayu pergi ke Makkah bagi menunaikan ibadah haji ialah pada tahun 1927 apabila 12,184 mendarat di Jeddah antara bulan Disember 1926 hingga bulan Mei 1927.<sup>73</sup> Sebab yang dikaitkan dengan pertambahan mendadak dalam jumlah ini sering dihubungkan dengan faktor kenaikan harga getah dan jaminan keselamatan jemaah haji yang dijanjikan oleh pemerintahan Ibn Sa'ud setelah beliau berjaya menguasai Hijaz pada tahun 1924.<sup>74</sup> Hal yang sebaliknya berlaku apabila timbulnya persoalan keselamatan dan terjadinya kemerosotan ekonomi yang menyebabkan jumlah mereka yang pergi menunaikan ibadah haji menyusut dengan agak banyak. Pada musim haji tahun 1932, jumlah mereka yang pergi menunaikan haji merosot kepada hanya lapan puluh orang sahaja apabila berlakunya kemerosotan ekonomi yang teruk berikutan kejatuhan harga getah.<sup>75</sup> Selepas mengalami satu tempoh peningkatan yang agak stabil, jumlah mereka yang menunaikan ibadah haji mengalami sedikit kemerosotan pada musim haji tahun 1936 apabila terdapatnya perasaan tidak pasti berikutan berlakunya konflik di antara Itali dengan Habsyah.<sup>76</sup> Jumlah mereka yang pergi menunaikan ibadah haji mengalami kemerosotan yang paling banyak pada musim haji tahun 1939/40 sebelum meletusnya Perang Dunia II apabila perperangan yang sudah meletus di Eropah menyebabkan hanya empat puluh enam orang sahaja bakal haji berjaya sampai ke Jeddah jika dibandingkan dengan jumlah seramai 2,059 pada tahun sebelumnya.<sup>77</sup>

Pemergian orang Melayu menunaikan ibadah haji yang sering berhadapan dengan pelbagai masalah dan serba kekurangan mula mendapat perhatian pihak pentadbiran British di Tanah Melayu bermula dari tahun 1920-an.<sup>78</sup> Langkah paling positif yang diambil ke arah penglibatan mereka dalam aktiviti penting umat Islam ini ialah

<sup>72</sup> Eldon Rutter, "The Muslim Pilgrimage", h. 271.

<sup>73</sup> CO 273/535/5, "Report on the Pilgrimage, 1927", 17 October 1927.

<sup>74</sup> William R. Roff, "The Conduct of Hajj From Malaya", h. 101.

<sup>75</sup> *Ibid.*, h. 104.

<sup>76</sup> Lihat B.A.T. 133/1936, Secretary to the High Commissioner for the Malay States, "Annual Report on the Malayan Pilgrimage For the Year 1936", 5 November 1936.

<sup>77</sup> MB 332/40 (Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor Bahru) "Malayan Pilgrimage For the Season 1939/40", enclosure J.D. Dalley, Superintendent, Special Branch, Straits Settlements Police to Colonial Secretary of the Straits Settlements, 31 May 1940.

<sup>78</sup> Untuk perbincangan terperinci tentang penglibatan langsung pentadbiran British dalam urusan pemergian menunaikan ibadah haji orang Melayu, lihat Mohammad Redzuan Othman (1994), "The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940", PhD Thesis University of Edinburgh", h. 291-295.

## Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

dengan melantik Abdul Majid Zainuddin sebagai Pegawai Haji Melayu yang pertama pada tahun 1923.<sup>79</sup> Sebagai Pegawai Haji, Abdul Majid memulakan tugasnya pada awal setiap musim haji dan beliau merupakan orang terakhir meninggalkan Hijaz apabila musim haji berakhir.<sup>80</sup> Tugasnya termasuklah mendaftarkan bakal-bakal haji yang diperlukan supaya berbuat demikian dalam tempoh dua puluh empat jam setelah sampai ke Jeddah. Beliau juga bertanggungjawab menyimpan tiket pergi dan balik jemaah haji dengan selamat, merekodkan tarikh pelayaran pulang dan membantu apa jua bentuk bantuan yang diperlukan oleh mereka sepanjang berada di Jeddah dan Tanah Suci.<sup>81</sup> Sebahagian daripada tanggungjawabnya termasuklah membuat penyiasatan ke atas sebarang kes yang melibatkan jemaah haji yang tidak belseyar pulang kerana ingin terus tinggal di Makkah setelah berakhirnya musim haji. Jika berlakunya kematian, beliau memainkan peranan membantu waris-waris si mati menyimpan dan memulangkan barang-barang milik simati.<sup>82</sup>

<sup>79</sup> Abdul Majid bin Zainuddin dilahirkan di Pudu, Kuala Lumpur, pada bulan Mac tahun 1887. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Victoria Institution pada tahun 1895. Abdul Majid merupakan antara beberapa orang anak Melayu yang berjaya memasuki sekolah tersebut yang baru dibuka dan merupakan sebuah sekolah aliran Inggeris. Pada tahun 1902, berikutnya kejayaannya melangkau kelas beliau dibenarkan menduduki peperiksaan Cambridge Junior Certificate. Abdul Majid mengajar di Malay College, Kuala Kangsar bermula dari tahun 1907 selama dua belas tahun sehingga pada tahun 1918 apabila beliau dilantik menjadi Penolong Nazir Sekolah-Sekolah (Melayu) yang pertama untuk daerah Hilir Perak. Sebelum perlantikan tersebut beliau pernah memegang jawatan Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Melayu Matang untuk dua tempoh yang berjumlah selama dua puluh dua bulan. Beliau merupakan anak Melayu pertama memegang jawatan setinggi itu. Berikutnya pelantikannya sebagai Pegawai Haji yang pertama, Abdul Majid belseyar dari Singapura menuju Jeddah pada awal bulan Januari tahun 1923 bersama-sama keraninya Wan Yusuf bin Wan Hussein Temenggong. Abdul Majid memegang jawatan ini selama enam belas tahun dan pada musim haji tahun 1940, Che Pin bin Jusoh telah dilantik sebagai pemangku Pegawai Haji Melayu. Abdul Majid meninggal dunia pada bulan Mac tahun 1943. Untuk huraian tentang sejarah hidup dan perkhidmatannya sebagai Pegawai Haji Melayu, lihat William R. Roff, “The Conduct of the Haj From Malaya”, h. 91-109. Untuk memoir beliau, lihat William R. Roff (1978), (edited with an introduction and notes), *The Wandering Thoughts of a Dying Man. The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

<sup>80</sup> Lihat kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Kelantan, “Kenyataan Kepada Orang-orang Haji”, *Pengasoh*, Jilid. 8, No. 188, 28 January 1926, h. 10-11; *Idaran Zaman*, “Kenyataan Kepada Orang Haji”, 11 Februari 1926.

<sup>81</sup> Moshe Yegar (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya, Policies and Implementation*, Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, h. 230-231.

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 230-231.

Menjelang awal tahun 1930-an penglibatan pentadbiran British dalam urusan pemergian menunaikan haji oleh orang Melayu mula diberi perhatian yang lebih serius jika dibandingkan pada dekad-dekad sebelumnya. Di samping itu, pentadbir British juga mula memperlihatkan keprihatinan mereka terhadap kebajikan jemaah haji. Kejayaan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki kelemahan dalam pengurusan haji orang Melayu banyak disumbangkan oleh pegawai-pegawai British di Tanah Melayu dan Jeddah, terutamanya Pegawai Haji Melayu yang pertama iaitu Abdul Majid Zainuddin yang sering menimbulkan isu betapa perlunya kebajikan jemaah haji ini di beri perhatian yang serius.<sup>83</sup> Di pihak kerajaan Arab Saudi pula, selepas 'Abd al-'Azz Ibn Sa'ud berjaya mengembalikan keamanan dan keselamatan di Hijaz, pelbagai usaha dilakukan bagi memberikan keselesaan dan menjaga kesihatan jemaah haji sepanjang mereka berada di Tanah Suci. Selain menyediakan hospital dan pusat kesihatan, sepanjang laluan jemaah haji dari jarak yang tidak jauh di antara satu sama lain, klinik dan rumah rehat disediakan serta ubat-ubatan diberikan secara percuma. Di samping itu, jemaah haji juga dijamin keselamatan dan perhatian diberikan terhadap kebajikan mereka bagi memastikan ibadah haji yang mereka lakukan dapat dijalankan dengan sempurna.<sup>84</sup>

Tidak dapat dinafikan bahawa menjelang akhir tahun 1930-an, kebajikan jemaah haji ketika dalam perjalanan telah banyak diperbaiki. Jemaah haji dari Tanah Melayu kini boleh melakukan perjalanan dengan lebih selamat dan mudah berikutan campur tangan pentadbiran, terutamanya dalam perkara-perkara yang terletak dalam bidang kuasa pentadbiran British di Tanah Melayu. Ini khususnya yang berkaitan dengan kemudahan dalam kapal di pelabuhan berlepas di Pulau Pinang dan Singapura.<sup>85</sup> Walaupun dengan langkah-langkah positif yang diambil oleh pentadbir British, namun tidak banyak yang dapat dilakukan bagi memperbaiki masalah kesihatan ketika jemaah haji berada di Hijaz atau mengatasi masalah penyelewengan yang

<sup>83</sup> Perkhidmatannya yang cemerlang turut diperakukan oleh Menteri Besar Kelantan yang pergi menunaikan ibadah haji pada tahun 1930. Lihat MB 260/30, Arkib Negara Malaysia (Cawangan Johor Bahru) "Visit To Mecca of Nik Mahmood C.B.E., Dato' Perdana Menteri Paduka Raja of Kelantan", 6 November 1930; lampiran A.S. Haynes (British Advisor Adviser to the Government of Kelantan) kepada The Secretary to the High Commissioner for the Malay State, 12 November 1930.

<sup>84</sup> Lady Evelyn Cobbold, "Pilgrimage To Mecca", *Genuine Islam*, Vol. 1, No. 3, March 1936, h. 2.

<sup>85</sup> Mary Byrne McDonnell, "Patterns of Muslim Pilgrimage From Malaysia, 1885-1985", dlm. Dale F. Eickelman & James Piscatori (eds.) (1990), *Muslim Travellers. Pilgrimage, Migration and the Religious Imagination*, London: Routledge, h. 114.

## Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu Ke Tanah Suci

dilakukan oleh sesetengah broker haji.<sup>86</sup> Walaupun dengan pelbagai halangan, cabaran dan malapetaka yang terpaksa dihadapi, namun cita-cita untuk menunaikan ibadah haji tidak pernah luput dari sanubari orang Melayu atau terdapatnya keraguan untuk melakukan “perjalanan yang direndai” ke Tanah Suci bagi menyahut seruan Kaabah sebagaimana yang telah difardukan ke atas mereka.

## KESIMPULAN

Bagi orang Melayu menunaikan ibadah haji memberikan ertian yang besar dalam kehidupan mereka sebagai seorang Islam. Naluri untuk menunaikan rukun Islam yang kelima ini mendorong orang Melayu untuk tidak memikirkan soal untung rugi atau senang susah dalam usaha memenuhi tuntutan ini. Bagi orientalis Barat, mereka tidak dapat menyelami bahawa komitmen ini merupakan pengorbanan yang lahir daripada kepercayaan yang tidak berbelah-bagi kepada pegangan agama. Walaupun pemergian menunaikan ibadah haji oleh orang Melayu dipenuhi dengan pelbagai pengalaman yang dianggap sebagai dugaan yang dialami ketika berada di pelabuhan berlepas, ketika dalam perjalanan pergi, ketika berada di Tanah Suci dan ketika dalam perjalanan pulang, namun semua pengalaman ini tidak pernah memudarkan semangat dan kesungguhan mereka untuk pergi ke Tanah Suci. Rekod-rekod yang ada jelas menunjukkan berlakunya pertambahan jumlah bakal haji dari Tanah Melayu pada setiap tahun yang melakukan perjalanan untuk tujuan tersebut, kecuali ketika meletusnya Perang Dunia II dan ketika zaman kemelesetan ekonomi berada di kemuncaknya.

Bagi pentadbir British di Tanah Melayu pula sikap yang ditunjukkan agak berbeza dengan sikap yang ditunjukkan oleh pemerintah Belanda di Indonesia apabila mereka menyediakan kemudahan yang sewajarnya untuk orang Melayu menunaikan ibadah haji, bukan menghalangnya. Walaupun dengan sikap positif yang ditunjukkan, namun adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa sikap yang diambil oleh pentadbir British ini merupakan manifestasi rasa tanggungjawab atau sokongan mereka ke atas amalan beragama orang Melayu. Sebaliknya, langkah yang diambil oleh pentadbir British ini, terutamanya pada peringkat awal adalah didorong oleh potensi keuntungan yang boleh didapati daripada pemergian menunaikan ibadah Haji oleh orang Melayu. Pemergian menunaikan ibadah haji dilihat sebagai satu industri yang menguntungkan, khususnya dalam industri pengangkutan menggunakan kapal wap. Menjelang awal abad ke-20 perhatian yang diberikan mula memperlihatkan

<sup>86</sup> Lihat umpamanya laporan yang dibuat oleh Abdul Majid Zainuddin tentang penipuan yang dilakukan orang seorang mutawif bernama Abdullah al-Rawa ketika musim haji pada tahun 1934, dalam FO 905/25, Haji Abdul Majid to Chancery, 30 November 1935.

unsur-unsur kebajikan, di samping membuat pemantauan bagi mengelakkan aktiviti ini menimbulkan masalah kesihatan dan keselamatan kepada tanah jajahan British

Bagi orang Melayu, disebabkan kejayaan menunaikan ibadah ini bukanlah suatu yang mudah dan tidak ramai yang mampu melaksanakannya, mereka yang berjaya menunaikannya sudah sewajarnya menerima penghormatan yang tinggi daripada masyarakat. Dalam masyarakat Melayu mereka yang bergelar haji amat dihormati dan kerana penghormatannya yang diberikan itu selain rasa tanggung jawab utama terhadap agama, menjadikan hasrat untuk ke Tanah Suci sebagai cita-cita murni yang sentiasa menyala di sanubari setiap orang Melayu yang mengamalkan agamanya dalam erti kata yang sebenarnya.